

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN IBUPEJABAT POLIS DAERAH KULIM, KEDAH
DI KULIM, KEDAH
8 OKTOBER 2000

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinannya, kita dapat bersama- sama sempena dengan Majlis Perasmian Ibupejabat Polis Daerah Kulim, pada pagi ini.

2. Kehadiran tuan-tuan puan-puan yang begitu ramai pada petang ini adalah tanda sokongan rakyat kepada pelaksanaan projek-projek dan program-program kerajaan. Semua projek pembangunan ini dibuat adalah untuk faedah masyarakat di kawasan ini.

3. Sebenarnya kerajaan ini adalah sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat yang sentiasa prihatin serta amat menitikberatkan soal-soal kebajikan dan keselesaan untuk para pegawai dan anggota polis. di bawah Rancangan Malaysia ke-7, kerajaan telah memberi peruntukan yang besar kepada projek-projek pembangunan untuk pasukan polis.

4. Sebanyak RM 741,006,000.00 telah diperuntukan kepada PDRM untuk membina balai polis atau ibupejabat polis. manakala bagi menyediakan kemudahan perumahan pula, kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM 915,619,000.00 di bawah Rancangan Malaysia ke-7 untuk PDRM.

5. Ini adalah kerana kerajaan memang menyedari tentang hakikat dan cara para pegawai dan anggota polis menjalankan tugas. Anggota polis dikehendaki sentiasa bersedia untuk bertugas tanpa batasan waktu, dan kadang-kadang terpaksa meninggalkan keluarga, semata-mata untuk mengekalkan undang-undang dan menjaga keselamatan negara.

6. Saya yakin, jika para pegawai dan anggota polis bertugas di tempat yang selesa, dan ahli keluarga mereka tinggal di sebuah rumah yang selamat dan indah, sudah tentulah mereka akan lebih memberi tumpuan yang lebih baik kepada tugas dan tanggungjawab mereka, bekerja dengan penuh semangat dan lebih berdedikasi, untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

7. Sejarah telah membuktikan bahawa, keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati hari ini, tidak datang dengan mudah. Keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati ini, adalah kerana sumbangan besar pihak polis. Kesanggupan pegawai dan anggota polis berkorban nyawa, demi menegak maruah dan kedaulatan negara, tidak ada siapa pun di antara kita yang boleh menafikan kebenaran tersebut.

8. Sebab itulah, apabila Polis Diraja Malaysia mengemukakan cadangan untuk mendirikan rumah-rumah, pejabat atau balai-balai polis, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang utama. Lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan luar bandar yang masih terdapat rumah- rumah dan balai-balai polis berada dalam keadaan yang daif dan tidak selesa untuk diduduki. Lebih-lebih lagi, apabila melihat keperluan orang ramai terhadap perkhidmatan yang berkesan daripada pihak polis. Sudah menjadi kebiasaan, di balai, polislah yang menjadi tempat pertama untuk mendapatkan

bantuan, sekiranya berlaku malapetaka atau bencana ke atas orang ramai.

9. Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada rancangan pembangunan dan penyediaan kemudahan asas kepada rakyat diteruskan dengan jayanya. Kemudahan- kemudahan ini adalah untuk rakyat. Umpamanya di daerah Kulim ini, dengan kerjasama di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri, telah berjaya menukar wajah daerah ini. Jika dahulu penduduk daerah ini sebuah kawasan yang bergantung hidup semata-mata dengan hasil pertanian dan hasil hutan, hari ini, daerah Kulim adalah merupakan sebuah kawasan atau bandar perindustrian yang berteknologi tinggi.

10. Semuanya ini dibuat kerana untuk memberi peluang kepada rakyat menikmati pembangunan yang pesat berlaku di negara ini. Adalah tidak benar tuduhan pihak-pihak tertentu bahawa kerajaan hanya memberi tumpuan kepada projek-projek besar di bandar-bandar sahaja. Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya untuk turut juga membawa pembangunan ke luar bandar. Berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk tujuan ini.

11. Kerajaan sentiasa memikirkan masa depan penduduk luar bandar. Lebih penting lagi ialah kita perlu merancang bentuk cara hidup yang akan dinikmati oleh penduduk desa di masa-masa akan datang. Sudah tentu kita tidak ingin mereka kekal seperti sekarang, sudah tentu kita ingin memperbaiki cara hidup dan keadaan desa, jika tidak sama dengan kesejahteraan hidup di bandar.

12. Malaysia adalah sebuah negara yang bernasib baik. Kita dilindungi daripada ribut taufan dan puting beliung dari sebelah timur oleh kepulauan Filipina dan sebelah barat oleh Sumatera. Gunung berapi pun tidak terdapat di Malaysia walaupun rangkaian gunung berapi ini mengelilingi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Hujan turun mencurah-curah yang sentiasa menyuburkan tanaman- tanaman kita. Jika kita renung semuanya ini tentulah kita rasa lebih bersyukur dengan nikmat ini.

13. Kita juga seharusnya berbangga dengan keupayaan kita menjamin tempoh keamanan di negara ini yang berpanjangan selepas merdeka. Negara hanya dicabar oleh peristiwa 13 Mei 1969. itupun, dengan kebijaksanaan kita, peristiwa berdarah tersebut, dapat diselesaikan dengan pantas dan dapat menyekatnya daripada terus merebak.

14. Sejarah juga telah mengajar kita, bahawa tanpa persefahaman kaum danimbangan ekonomi yang saksama, peristiwa berdarah itu boleh berulang kembali di dalam senario politik masa hadapan dan bila-bila masa pun.

15. Kita juga harus menyedari bahawa penyatuan orang- orang Melayu merupakan faktor utama kestabilan sosio- politik Malaysia. Faktor ini amat sinonim dengan pengaruh dan peranan agama Islam yang merupakan agama yang dianuti oleh orang-orang Melayu.

16. Oleh itu, kita perlulah menginsafi bahawa perpecahan orang-orang Melayu di negara ini bukan sahaja akan membantutkan projek-projek pembangunan, tetapi juga akan mengancam kestabilan negara.

17. Kita telah lihat banyak contoh, di mana manipulasi agama telah atau hampir memecah-belahkan masyarakat Melayu. Hari ini, kita juga sedang menyaksikan di sebuah negara jiran, sebuah negara yang dulunya begitu gah dengan keutuhan, dan

kekuatan bangsanya negara itu masih berada dalam keadaan kacau bilau dengan ekonominya tidak stabil. Ini adalah akibat daripada perpecahan bangsanya sendiri. Sebab itu saya berulang kali menyatakan bahawa perpecahan sesama kita tidak menguntungkan sesiapa pun.

18. Di era globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, kita tidak dapat lari dari didedahkan dengan nilai-nilai dan norma-norma asing. Apa yang lebih membimbangkan ialah pensisipan nilai-nilai yang tidak sihat terhadap generasi muda.

19. Akhir-akhir ini, kita mendengar para remaja dan pelajar-pelajar sudah tidak ada rasa segan-silu lagi. Mereka dengan sengaja melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang sekolah. Melakukan salah-laku seperti ponteng kelas, ponteng sekolah, mencuri, membakar rumah guru dan sekolah, bergaduh, malah memukul guru, ianya amat mencemaskan kita.

20. Dalam hal ini, pihak polis perlu memainkan peranan sebagai penyelesaian masalah yang berkesan. Sungguhpun pasukan polis tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan sekolah tetapi tanggungjawab mencegah gejala tersebut daripada terus berleluasa, adalah dianggap sebagai sebahagian daripada peranan polis. Di antaranya, dengan menambah pasukan kadet polis sebagai salah satu kegiatan ko-kurikulum pilihan di sekolah-sekolah, mewujudkan pegawai-pegawai perhubungan sekolah dan meningkatkan ceramah, pameran dan kempen-kempen pencegahan jenayah di sekolah-sekolah seluruh negara.

21. Saya amat yakin, dengan usaha yang bersungguh-sungguh, sedikit sebanyak akan dapat membantu meredakan keadaan. Kerajaan dan orang ramai berharap agar pelajar-pelajar dan para remaja kita dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran dan menambah ilmu, sesuai dengan keperluan negara untuk menjadi sebuah negara maju, pada tahun 2020 nanti.

22. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengingatkan kepada para pegawai dan anggota polis, agar dapat memberikan perkhidmatan dengan lebih mesra, cekap dan berkesan.

23. Saya sendiri, dalam amanat saya sempena sambutan peringatan Hari Polis tahun 2000 yang lalu, telah menyarankan agar pasukan polis terus mengamalkan konsep mesra rakyat. Ianya bukan sahaja sesuai dengan arus peredaran masa, tetapi juga telah membuahkan hasil yang positif.

24. Jika pihak polis kita memberi layanan yang baik dan mesra kepada orang ramai, saya percaya, masyarakat kita akan membalas dengan mesra, malah lebih baik daripada itu. Itu memang menjadi budaya hidup bangsa Malaysia. Jika amalan ini diteruskan, orang ramai tidak akan ada masalah untuk menaruh keyakinan, dan menghulurkan bantuan, atau memberi kerjasama kepada pihak polis.

25. Sesungguhnya kelicinan tugas-tugas polis amat bergantung kepada sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh orang ramai. Untuk itu, pihak polis hendaklah sentiasa perlu sensitif terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai. Segala usaha hendaklah diatur untuk mengatasi masalah-masalah mereka. Dengan cara inilah keyakinan orang ramai terhadap polis akan dapat diperkukuhkan lagi. Dalam apa jua keadaan, saudara-saudari hendaklah sentiasa bersabar dan menunjukkan kesanggupan mengawal diri dari bertindak mengikut perasaan

walaupun ketika menghadapi sesuatu keadaan yang mencemaskan. Sifat- sifat ini perlu dimiliki oleh setiap anggota polis.

26. Saya juga telah mengistiharkan bahawa tahun 2000 adalah Tahun Mencegah Jenayah. Walaupun daerah Kulim ini, keadaan jenayah tidaklah begitu ketara sangat, namun gejala ini tidak boleh dibiarkan menjadi barah. Usaha mesti digembleng bersungguh-sungguh untuk mencegah dan menghapuskannya sama sekali. Masyarakat di sini tentunya akan lebih selesa dan gembira, jika `jenayah sifar' dapat diwujudkan.

27. Saya ingin mengambil kesempatan ini, menyeru orang ramai, khusus rakyat di Kulim ini, agar memberi kerjasama dan bantuan kepada pihak polis. Tanpa kerjasama tuan-tuan dan puan-puan, saya percaya, usaha polis untuk membanteras jenayah juga adalah sukar dilaksanakan. Harta benda dan nyawa itu adalah milik tuan-tuan dan puan-puan, iaitu hak penduduk di sini. Jadi, kita perlu membantu pihak polis, untuk menjaga keselamatan harta dan nyawa kita atau keluarga kita. Kejayaan polis adalah kesenangan kita.

28. Jemaah menteri dalam mesyuaratnya pada 4 Oktober lalu telah membuat keputusan bahawa kerajaan tidak membenarkan lesen baru berkaitan video game dikeluarkan. Dan juga memberi tempoh dua bulan untuk menarik balik mana-mana lesen permainan video yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Saya mahu arahan kerajaan ini dipatuhi tanpa sebarang alasan. Keputusan ini dibuat memandangkan betapa bahaya dan besarnya masalah sosial yang dicituskan oleh permainan video ini. Yang paling mendukacitakan saya ialah apabila makin banyak tuduhan dilemparkan terhadap pasukan polis yang disabitkan terlibat serta melindungi golongan tertentu dalam perniagaan permainan video ini. Di sini saya ingin menegaskan bahawa kerajaan pasti bertindak terhadap mana-mana pegawai atau anggota polis yang terlibat melindungi golongan ini. Saya menyerahkan kepada pihak badan pencegah rasuah (BPR) untuk menyiasat sebarang aduan yang melibatkan pegawai dan anggota polis. Saya tidak akan melindungi mereka. Kita tidak mahu kerana perbuatan seorang dua pegawai dan anggota polis maka keseluruhan pasukan Polis Di Raja Malaysia menerima buruknya.

29. Adalah menjadi harapan saya, harapan kerajaan dan rakyat keseluruhannya, dengan terbinanya Ibupejabat Polis Daerah Kulim yang baru, indah dan menarik ini, mudah-mudahan akan menjadi pemangkin kepada setiap pegawai dan anggota polis yang ditugaskan di sini, untuk bekerja dengan lebih dedikasi, efisien, amanah, adil dan berkesan lagi. Jadikanlah balai atau ibupejabat polis ini, sebagai satu tempat "people friendly" yang senang dikunjungi atau disenangi oleh orang ramai.

30. Akhirnya, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada PDRM, khususnya Ketua Polis Negara serta hadirin sekalian. Dengan itu, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan bangunan Ibupejabat Polis Daerah Kulim ini.

Terima kasih.